

Headline **Zuma boleh ambil isteri ke-5: ANC**
Date **05 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **43**
Article Size **196 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,158**
PRValue **12,473**



Zuma boleh ambil isteri ke-5: ANC

Presiden Afrika Selatan akui ada hubungan luar nikah



JOHANNESBURG: Sekutu politik mempertahankan amalan poligami Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma, (**kanan**) yang membuat pengakuan beliau adalah bapa anak luar nikah yang dilahirkan wanita yang bukan salah seorang daripada tiga isteri dan tunangnya.

Akhbar *Sunday Times* melaporkan, Sonono Khoza, 39, anak perempuan pengerusi Jawatankuasa Penganjuran Piala Dunia 2010 negara itu, Irvin Khoza, melahirkan bayi perempuan Oktober lalu, tiga bulan sebelum Zuma berkahwin dengan isteri ketiganya dalam satu upacara tradisional Zulu.

Anaknya diberi nama Thandekile Matina Zuma ketika beliau dijangka berkah-

win dengan isteri keempatnya hujung tahun ini.

Brian Sokutu, jurucakap bagi Parti Kongres Kebangsaan (ANC), pula berkata hubungan presiden itu dengan wanita kelima bukan curang kerana Zuma mengamalkan poligami dan mungkin merancang untuk berkahwin dengan Sonono.

Zuma, 67, menolak tuduhan pengkritik amalan poligami menunjukkan beliau tidak serius dengan masalah Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids) di negaranya menerusi keinginan seksualnya' yang mengejutkan rakyat negara itu.

"Tidak adil menuduh saya melemahkan pendirian kerajaan berhubung kempen HIV dan Aids.

"Saya tidak berkompromi dalam kempen itu, sebaliknya akan memperhebat usaha pencegahan, rawatan, penyelidikan dan memerangi wabak itu," tegasnya.

Zuma mempertahankan amalan poligami di hadapan satu panel di Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland, bulan lalu.

Beliau menolak dakwaan bahawa poligami tidak adil kepada wanita dan berkata beliau melayan isterinya dengan sama rata.

"Ia adalah budaya saya dan tidak merugikan saya daripada kepercayaan politik termasuk kepercayaan persamaan wanita," katanya kepada panel perbincangan di Davos.

Kenyataan Zuma itu adalah ulasan pertamanya sejak ia

dilaporkan minggu lalu beliau adalah bapa kepada seorang kanak-kanak perempuan, yang dilahirkan anak perempuan kepada salah seorang penganjur final Piala Dunia.

Zuma mengahwini Thobeka Madiba, isteri ketiganya, dua tahun selepas berkahwin dengan Nompumelelo Ntuli. Beliau juga kekal berkahwin dengan Sizakele Khumalo, isteri paling tua yang dikahwininya pada 1973. Isteri pertamanya, Kate Mantsho Zuma, membunuh diri pada 2000.

Beliau menceraikan Nkosazana Dlamini-Zuma, yang juga Menteri Dalam Negeri pada 1998. Terbaru, beliau bertunang dengan Gloria Bongani Ngema, dari Durban. - Agensi